

## Sheik: Pesilat negara penat? Tidak sama sekali

Berita Harian, 19 December 2014, Page 20

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

# Sheik: Pesilat negara penat? Tidak sama sekali

Jadual padat pertandingan sepanjang 2014 bertujuan bantu pesilat capai tahap terbaik, soal penat tidak timbul

PERSIAPAN HADAPI SUKAN SEA ► ISMAIL ALI ismail@sph.com.sg

KEPENATAN? Tidak sama sekali.

Pertandingan yang diatur Persekutuan Silat Singapura (Persisi) bertujuan membantu skuad pesilat negara, terutama pendekar harapan Muhammad Shakir Juanda, Muhammad Nur Alfian Jumaen dan Muhammad Iqbal Abdul Rahman, mencapai tahap terbaik dan lali dengan pukulan serta membina daya tahan tinggi bagi menghadapi pertarungan.

Demikian dinyatakan bos silat, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, mengenai persiapan yang dirancang Persisi bagi menghadapi cabaran terbesar Sukan SEA yang bakal di adakan di Singapura Jun ini.

Bercakap dalam satu interviu dengan *Berita Harian* kelmarin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi itu berkata:

"Anda kata mereka kepenatan atau *burnt out*? Tidak sama sekali. Sebaliknya kami mahu menghantar mereka ke lebih banyak pertandingan bagi membolehkan mereka mencapai tahap lali dengan serangan dan pukulan pesilat lawan.

"Anda lihat dalam seni pertahanan diri *muay thai*, anak-anak di Thailand diasuh dan didedahkan kepada pertarungan demi pertarungan sejak kecil dan apabila mereka dewasa, mereka sudah lali dengan serangan dan pukulan lawan. Ini menjadikan mereka hilang atau kurang rasa gentar apabila berdepan pesilat lawan.

"Pendedahan demi pendedahan yang kami aturkan bagi pesilat negara sepanjang tahun ini juga bertujuan menghilangkan rasa gementar. Apabila perasaan ini masih bersarang dalam diri mereka, mereka akan menghadapi masalah mengawal pernafasan dan persembahan mereka akan menjadi bercelaru."

Menurut Syeik Alau'ddin, sepanjang tahun ini, Persisi menghantar pesilat negara menyertai tidak kurang 12 pertandingan dan kejohanan baik di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Ini tidak termasuk Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-16 di Phuket, Thailand, yang dijadual berlangsung bulan depan dari 7 hingga 17 Januari.

Antara kejohanan itu adalah Terbuka Uzbekistan, Kejohanan Silat Tiga Negara di Belanda dan yang terbaru, pertandingan Pencak Silat Sijori Kesembilan awal bulan ini.

"Sebenarnya masalah *burnt out* ini tidak timbul kerana meskipun nampak banyak, Shakir, Nur Alfian dan Iqbal ialah atlit elit.

"Meskipun tidak pernah mengambil mudah sebarang pertandingan dan cabaran pesilat lawan, ada pertarungan yang senang.

"Mereka hanya berdepan saingan sengit dan menghadapi tekanan lebih tinggi apabila berdepan pesilat elit setaraf dengan mereka seperti dalam kejohanan yang turut disertai pesilat dari Vietnam, Indonesia, misalnya," tambah Syeik Alau'ddin.


Bagaimanapun, menurut beliau, pesilat negara telah diajar teknik mengatasi pertarungan dan pukulan serta menghadapi gerakan pertarungan berbeza.

Pesilat negara juga menerima bantuan daripada Sukan Singapura (SportSG) dalam bentuk nasihat psikologi, pemakanan dan menghadiri kursus peringkat diri.

"Saya boleh katakan mereka dijaga dengan baik. Bagi pesilat elit seperti Shakir, Nur Alfian dan Iqbal, mereka menerima 'gaji' dalam bentuk Biasiswa SPEX. Oleh itu, memang menjadi tugas mereka menyertai pertandingan dan kejohanan yang diatur.

"Semua kegiatan mereka dipantau dan diperiksa Institut Sukan Singapura (SSI).

"Kalau nak dikatakan, pesilat biasa yang tidak menerima sebarang elaunlah yang kekurangan pendedahan kerana kami kekurangan bajet menghantar mereka menyertai kejohanan yang sama banyak," ujar Sheik Alau'ddin.



**PESILAT HARAPAN MENANGI EMAS:** Ketiga-tiga pesilat utama Team Singapore yang juga penerima biasiswa Spex – (dari kiri) Muhammad Iqbal, Muhammad Nur Alfian dan Muhammad Shakir – diharap dapat membanggakan negara dalam Sukan SEA Jun ini. – Foto fail